

BAHAGIAN A

[20 markah]

Jawab semua soalan.

1. Maklumat berikut berkaitan dengan kerajaan Alam Melayu yang masyhur.

- Pusat kerajaan di Indrapura.
- Diasaskan oleh Chu-Lien pada tahun 192 M.

Apakah kerajaan tersebut?

- A Kerajaan Funan
- B Kerajaan Angkor
- C Kerajaan Champa
- D Kerajaan Kedah Tua

2. Apakah kepentingan hubungan kerajaan Alam Melayu dengan China dan India?

- A Meningkatkan taraf hidup
- B Memajukan kegiatan pertanian
- C Mengukuhkan bidang pertahanan
- D Memperkukuh hubungan perdagangan

3. Gambar berikut menunjukkan inskripsi pada Telaga Batu.



Apakah yang boleh dikaitkan dengan penemuan tersebut?

- A Salasilah pemerintah kerajaan Angkor
- B Sistem pemerintahan kerajaan Srivijaya
- C Undang-undang dalam kerajaan Majapahit
- D Upacara keagamaan dalam kerajaan Funan

4. Apakah kegunaan kapur barus?

- A Makanan
- B Perubatan
- C Bahan pewangi
- D Barang perhiasan

5. Apakah bahasa yang digunakan oleh masyarakat kerajaan Funan?

- A Arab
- B Melayu
- C Sanskrit
- D Jawa Kuno

6. Senarai berikut adalah antara kesusasteraan yang diminati oleh masyarakat Alam Melayu.

- Hikayat Bulan Berbelah
- Hikayat Amir Hamzah
- Hikayat Iskandar Zulkarnain

Apakah faktor yang membawa kemunculan sastra Islam?

- A Kemajuan pendidikan
- B Penggunaan tulisan Jawi
- C Kedatangan pedagang Islam
- D Penyebaran Islam ke Alam Melayu

7. Gambar berikut menunjukkan monumen penting.



Apakah kepentingan monumen tersebut terhadap kerajaan Angkor?

- A Istana raja
 - B Pusat pemerintahan
 - C Candi agama Hindu
 - D Candi agama Buddha
8. Mengapakah masyarakat kerajaan Alam Melayu tidak boleh mengingkari raja?
- A Melanggar adat
 - B Tidak setia kepada raja
 - C Dianggap mengingkari tuhan
 - D Raja akan menjatuhkan hukuman
9. Dialog berikut berkaitan dengan pengasasan Kesultanan Melayu Melaka.


Guru : Mengapakah Parameswara memilih Melaka untuk dijadikan pusat pemerintahan?

Murid : Parameswara memilih Melaka kerana kedudukannya yang strategik.

Mengapakah lokasi Melaka dikatakan strategik?

- A Sungainya yang dalam
- B Bentuk muka bumi berbukit-bukit
- C Terlindung daripada tiupan angin monsun
- D Terletak di laluan perdagangan antara timur dan selatan

10. Rajah berikut berkaitan dengan kesan hubungan diplomatik antara Kesultanan Melayu Melaka dengan China.



Bagaimanakah pengiktirafan dan perlindungan China membantu perkembangan Melaka?

- A Mengekalkan kedaulatan
 - B Meluaskan jajahan takluk
 - C Mengembangkan agama Islam
 - D Menyelesaikan isu perubatan takhta
11. Mengapakah Aceh menyerang Johor dalam Perang Tiga Segi?
- A Perdagangan tergugat
 - B Mengekalkan kedaulatan
 - C Kerjasama Johor dengan Portugis
 - D Usaha memonopoli perdagangan
12. Apakah kepentingan Batu Sawar bagi Kesultanan Johor Riau?
- I Pusat kebudayaan
 - II Pusat perdagangan
 - III Pusat pemerintahan
 - IV Pusat pengembangan agama
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
13. Gambar berikut menunjukkan pemerintahan Kesultanan Terengganu.



Apakah sumbangan utama tokoh tersebut?

- A Memodenkan negeri
- B Mengasaskan kesultanan
- C Meluaskan jajahan negeri
- D Membebaskan negeri daripada kuasa luar

14. Apakah bukti agama Islam diberikan keutamaan dalam Kesultanan Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor?
- I Sultan merupakan ketua agama Islam
 - II Sultan meluluskan tauliah penceramah agama
 - III Bangunan utama dinamakan dengan nama sultan
 - IV Undang-undang syariah dilaksanakan sepenuhnya
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

15. Pilih pasangan yang betul.

	Kerajaan	Pelabuhan
A	Kedah	Pangkalan Galoh
B	Perlis	Pangkalan Kuala Merbok
C	Kelantan	Pangkalan Kota Bharu
D	Negeri Sembilan	Pangkalan Sungai Linggi

16. Antara berikut, yang manakah merupakan penguasa pada peringkat mukim?
- A Penghulu
 - B Pembesar
 - C Ketua kampung
 - D Pegawai mukim

17. Maklumat berikut berkaitan dengan Undang.

Undang merupakan pemimpin dalam sistem pemerintahan di Negeri Sembilan.

Apakah peranan Undang?

- A Memilih Yamtuan Besar
- B Menjaga keamanan dan keselamatan
- C Menjadi ketua rujukan adat dan hukum
- D Menghafal asal usul kelompok kekeluargaan


18. Apakah tugas Buapak dalam Adat Perpatih?

- A Melantik Ibu Soko
- B Memilih Yamtuan Besar
- C Mengurus pembahagian pusaka
- D Menjadi rujukan adat dan hukum

19. Pilih pasangan yang betul.

	Kaum	Perayaan
A	Iban	Gawai Dayak
B	Dusun	Pesta Kaamatan
C	Bisaya	Unduk Ngadau
D	Melanau	Pesta Babulang

20. Gambar berikut menunjukkan tarian kaum di Sabah.



Apakah kaum tersebut?

- A Suluk
- B Murut
- C Melanau
- D Kadazandusun